

Gegaran susulan melebihi 4 skala Richter sejak Jumaat lalu

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kegusaran berhubung kemungkinan gempa bumi menyamai tragedi buruk gegaran 7.9 skala Richter menggoncang Kathmandu, Nepal, 25 April lalu, berulang dianggap berasas apabila puluhan gempa bumi melebihi 4 skala Richter dikesan berlaku sejak Jumaat lalu.

Lebih mengejutkan apabila gempa bumi susulan dengan gegaran kuat turut dicatatkan berlaku di seluruh dunia dan kian aktif dikesan.

Antara kejadian gempa bumi kuat dikesan berlaku di Papua New Guinea jam 6.06 petang waktu tempatan Jumaat lalu dengan kekuatan 6.7 skala Richter.

Kajian Geologi Amerika Syarikat merekodkan gempa susulan di lokasi sama meningkat kepada 7.1 skala Richter tidak lama kemudian.


Kejadian itu yang dibim-

GEMPA DI NEPAL

Bumi terus 'marah'

ANTARA GEMPA BUMI KUAT DIKESAN SEJAK JUMAAT LALU

(dalam skala Richter)



ngakibatkan bencana tsunami.

Kejadian gempa bumi terbaru itu menyamai lokasi kejadian gempa di Lautan Hindi pada tahun 2004 yang mencetuskan tsunami dan mengorbankan 228,000 mangsa majoritinya penduduk Aceh, Sumatera.

Selain itu Pusat Seismologi Eropah Mediterranean (EMSC) merekodkan dua kejadian gempa bumi di pulau Izu, Jepun jam 1.50 petang kelmarin, dengan kekuatan 5.7 skala Richter.

Ia diikuti gegaran sama direkodkan berlaku di kepulauan Talaud, Indonesia (4.5 skala Richter) dan di Nepal (4.5 skala Richter) jam 2.31 petang dan 3.29 petang semalam waktu tempatan.

Gegaran gempa turut dikesan berlaku semalam, di utara New Zealand (4.7 skala Richter) dan dua gegaran di timur kepulauan Honshu, Jepun (5.2 skala Richter) dan (4.7 skala Richter).

Difahamkan pihak seismologi sedang memantau kejadian gempa bumi yang dikesan berlaku hampir di setiap benua di dunia.

Jumaat lalu, gempa bumi dikesan berlaku di Loyalty Islands di Timur Australia

Sepang 18 berlepas sertai misi bantuan kemanusiaan

Lapan belas pakar perubatan berlepas ke Kathmandu, Nepal, semalam bagi menyertai Misi Bantuan Kemanusiaan Biro Kebajikan UMNO dan Kelab Putera Malaysia (KPIM).

Mereka turut disertai lapan wakil media menaiki pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan akan berada di negara itu sehingga 9 Mei ini.

Presiden KPIM Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, pasukan pakar perubatan diketuai Datuk Dr Alwi Abdul Rahman itu disertai pakar bedah, bius dan ortopedik serta paramedik.

Menurutnya, sepanjang di sana, mereka turut melaksanakan kerja berkaitan kecemasan dan kesihatan awam.

"Kita turut menyumbang peralatan perubatan dan pembedahan serta ubat-ubatan termasuk vaksin dan ubat tahan sakit bernilai RM539,070 (AS\$150,000)," katanya selepas menghantar pasukan misi bantuan itu di KLIA di sini, semalam.

Beliau berkata, kumpulan itu akan berpangkalan di

ngi menyebabkan berlaku tsunami bagaimanapun berakhir tanpa kehilangan nyawa apabila amaran tsunami itu ditarik semula.

Pakar Geologi British Dr Roger Musson dipetik berkata, gempa bumi di Papua New Guinea itu mempunyai kaitan dan persamaan dengan gempa bumi di Nepal.

Bandar terdekat gempa bumi melanda iaitu pulau New Island Britain terselamat berikutan tiada kerosakan harta benda atau kemalangan jiwa berlaku.

Kira-kira jam 3.28 petang waktu tempatan hari sama,

IMPAK GEGARAN GEMPA BUMI DALAM SKALA RICHTER

0.0 - 2.0 - Tiada impak

2.0 - 2.9 - Tiada impak namun dirakam oleh alat pengesan gegaran

3.0 - 3.9 - Gegaran dapat dirasakan tetapi tidak membabitkan kerosakan harta benda

4.0 - 4.9 - Terdapat gegaran di tingkap dan perabot terutamanya di dalam bangunan namun jarang membabitkan kerosakan harta benda

5.0 - 5.9 - Terdapat kerosakan yang besar terutama pada bangunan lama manakala bangunan yang baru akan membabitkan kerosakan yang kecil seperti keretakan pada siling dan runtuh batu bata.

6.0 - 6.9 - Memusnahkan sebuah kawasan yang membabitkan keluasan sehingga 160 kilometer seperti rumah berubah daripada kedudukan asal

7.0 - 7.9 - Memusnahkan sebuah daerah yang besar seperti keruntuhan bangunan dan jambatan

8.0 - 8.9 - Kerosakan yang memusnahkan secara keseluruhan

9.0 - 9.9 - Kerosakan yang memusnahkan keseluruhan hingga menyebabkan objek berterbangan di udara

satu lagi gempa bumi berukuran 5.1 pada skala Richter melanda pulau Anda-

man dan Nicobar Islands di Lautan Hindi.

Gempa bumi yang sudah

dijangka bakal berlaku oleh pakar geologi Indonesia bagaimanapun tidak me-

membabitkan kekuatan gempa 5.2 skala Richter jam 11.21 waktu tempatan.

Gempa bumi turut dikesan berlaku sebelum itu di Selatan Pulau Jawa, Indonesia, dengan kekuatan 5 skala Richter jam 9.46 waktu tempatan.

Kira-kira sembilan minit kemudian, gempa turut berlaku di Offshore Chiapas, Mexico dengan kekuatan gempa 4.3 skala Richter.

Gempa sekali lagi dikesan berlaku di perairan barat Ecuador dan utara Taiwan dengan kekuatan gempa melebihi 4.5 skala Richter.

ka akan berpangkalan di Hospital Birgunj, Kathmandu bagi menyempurnakan misi bantuan berkenaan.

Menurutnya, kumpulan kedua misi berkenaan dijangka akan berlepas ke sana bergantung keadaan dan keperluan di negara itu.

Kathmandu

Tiada perkembangan terbaru

Tiada perkembangan atau maklumat terbaru mengenai dua rakyat Malaysia yang dilapor hilang di Nepal sebelum berlaku gempa bumi di negara itu 25 April lalu.

Kuasa Usaha Kedutaan Malaysia di sini, Fadli Adilah berkata, sehingga lewat petang semalam, pasukan mencari dan menyelamat serta polis Nepal tidak menerima maklumat lanjut mengenai mereka.

Ahli perniagaan Dennis Lee Thian Poh, 47, dilapor hilang semasa menyusuri Khopra Danda hingga Deurali pada 5 April sementara Sai Jaya Raj Anthony, 37, hilang sejak 21 April. - BERNAMA

Sepang: Seramai 12 sukarelawan termasuk lapan doktor dan seorang paramedik berlepas ke Kathmandu, Nepal bagi melaksanakan misi kemanusiaan di negara itu menerusi pertubuhan bukan kerajaan Kelab Ekspedisi Global (GEC).

Mereka terlebih dahulu ke Dhaka, Bangladesh jam 4.20 pagi tadi sebelum meneruskan penerbangan ke Kathmandu.

Kumpulan sukarelawan itu disertai dua wakil media termasuk daripada akhbar Harian Metro iaitu Yusri Abdul Malek yang akan membuat laporan sepanjang misi bantuan kemanusiaan itu

12 sukarelawan ke Kathmandu



FOTO: MOHD FADLI HAMZAH

SUKARELAWAN GEC berlepas bagi menyertai misi bantuan kemanusiaan di Nepal.

dilaksanakan.

Presiden GEC T Ravichandran berkata, misi berkenaan memberi fokus ke-

pada bantuan perubatan kepada penduduk di perkampungan dan kawasan pergunungan di Nepal yang

terjejas akibat kejadian gempa bumi itu.

Menurutnya, mereka akan memberikan bantuan

perubatan di enam kampung di situ yang terletak di ketinggian antara 2,000 meter hingga 4,000 meter sekali gus memerlukan daya ketahanan tinggi sepanjang melakukan misi itu.

"Kami akan berada di sana selama 10 hari dan tumpuan kita ialah memberi bantuan perubatan serta menggerakkan klinik bergerak di sana.

"Kami turut membawa bantuan perubatan berjumlah 500 kilogram (kg) khusus untuk enam kampung berkenaan," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini.